

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : TUAN WILLIE ANAK MONGIN
[PUNCAK BORNEO]**

SOALAN NO. 484

Minta **MENTERI HAL EHWAL EKONOMI** menyatakan bagaimana dengan situasi kewangan Lembaga Penyatuan Dan Pemulihan Tanah Persekutuan (FELCRA) Bhd dan apakah perancangan Kerajaan bagi menyusun semula pengurusan dan operasi FELCRA dan Apakah Perancangan FELCRA untuk Skim Penanaman Semula Kelapa Sawit bagi peserta di Kawasan Puncak Borneo.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Dimaklumkan bahawa FELCRA kini sedang berhadapan dengan situasi kewangan yang kurang sihat ekoran daripada senario kejatuhan harga di pasaran global yang mencatatkan penurunan purata harga sawit daripada RM2,800 per metrik tan pada tahun 2017 kepada RM2,140 per metrik tan kini.

2. Pengurusan FELCRA adalah di dalam rangka menyusun dan memperkasakan operasi dan pengurusannya melalui beberapa langkah utama yang telah pun bermula iaitu:

- (i) Menyusun semula dan melantik komposisi ahli-ahli Lembaga Pengarah dalam kalangan mereka yang berpengalaman luas dalam pelbagai bidang profesional dan korporat;

(ii) Menyusun semula struktur organisasi supaya lebih tepat dengan entiti FELCRA sebagai sebuah *social enterprise powerhouse* berteraskan perladangan;

(iii) Melaksanakan auditan pengurusan secara menyeluruh bagi mengenal pasti ketirisan dan salah laku. Beberapa penemuan untuk siasatan lanjut pihak Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM);

(iv) Memperkenal dan melaksanakan enam (6) arah tuju strategik yang melibatkan pemerkasaan dalam bidang-bidang seperti entiti FELCRA, operasi, sistem, modal insan staf, keyakinan peserta dan struktur organisasi; dan

(v) Memperkenal dan melaksanakan inisiatif-inisiatif pengurusan kewangan bagi jangka pendek, sederhana dan panjang bertujuan memperkukuhkan lagi kedudukan kewangan FELCRA.

3. Manakala bagi perancangan program tanam semula bagi projek FELCRA di bawah Parlimen Puncak Borneo iaitu Kawasan Kg. Belimbing akan dilaksanakan apabila tiba masanya (jangkaan 3 hingga 4 tahun dari sekarang), tertakluk kepada peruntukan pembangunan yang diperlukan dan juga penyelesaian status tanah di bawah *Native Custody Right* (NCR).

Sekian, terima kasih.

Kementerian Hal Ehwal Ekonomi
11 April 2019